



KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## KKR KOMITED TAMPAL *POTHOLE* DALAM TEMPOH 24 JAM

Kuala Lumpur – Kementerian Kerja Raya (KKR) merujuk kepada isu jalan berlubang yang tular di media baru-baru ini. Pihak Kementerian sentiasa prihatin dan mengambil serius terhadap isu-isu berkaitan keselamatan pengguna jalan raya dan tanggungjawab pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), terhadap isu yang dibangkitkan.

KKR melalui JKR, yang berfungsi sebagai Perunding Utama Teknikal negara mengurus aset bagi Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri. Jumlah keseluruhan Jalan Persekutuan (17,896.036) dan Jalan Raya Negeri (236,581.527km) yang diuruskan oleh Jabatan adalah sepanjang 254,477.563km seluruh Malaysia.

Pada tahun 2021, pihak KKR telah memperuntukkan sebanyak **RM1.09 bilion** bagi **kerja-kerja senggara Jalan Persekutuan seluruh Malaysia** termasuk bil elektrik, lampu isyarat dan lampu jalan. Manakala bagi penyenggaraan Jalan Negeri yang turut disenggara oleh JKR, peruntukkan adalah di bawah Kerajaan Negeri (di bawah peruntukkan MARRIS). Melalui belanjawan tahun 2021, peruntukkan MARRIS telah dinaikkan sehingga 20% atau RM50 juta yang mana lebih rendah.

Bagi memastikan aset-aset Jalan Persekutuan dan Jalan Raya Negeri sentiasa berada dalam keadaan baik, selamat dan selesa kepada pengguna jalan awam, JKR sedaya upaya memastikan jalan-jalan tersebut diuruskan mengikut amalan kejuruteraan tanpa mengabaikan kepentingan awam.

Justeru, Kempen Aku Janji Zero Potholes yang mula diperkenalkan pada tahun 2016 – 2018, telah diperkenalkan semula pada bulan Julai 2020 yang lalu. Inisiatif Kementerian bersama Jabatan Kerja Raya dan **enam (6) syarikat - syarikat konsesi** bagi Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Labuan ini, bertujuan memperkukuhkan komitmen KKR terhadap penyampaian perkhidmatan penyenggaraan jalan di negara kita.



Di bawah **Kempen Zeropothole** kerja-kerja penampalan jalan berlubang akan dilaksanakan dalam tempoh masa 24 jam (pembaikan sementara daripada penemuan /aduan kerosakan) dan dalam tempoh 3 hari bagi pembaikan kekal sepertimana dalam kontrak "*Federal Road Maintenance*".

---

Dikeluarkan oleh

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

No. Tel. : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | Faks. : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks | [Pro@kk.gov.my](mailto:Pro@kk.gov.my)

**Kerosakan *pothole*** merujuk kepada lubang **berkelebaran di bawah 200 milimeter hingga 1000 milimeter**. Sekiranya kelebaran lubang tersebut di bawah 200 milimeter, teknik tampalan tidak melibatkan potongan tetapi sebaliknya ditampal terus. Namun apabila kelebaran lubang tersebut sehingga 1000 milimeter, ia memerlukan kaedah pemotongan jalan sebelum menampalnya. Jika dimensi lubang itu melebihi 1000 milimeter, maka ia perlu dirawat sebagai kegagalan paveman.

Menerusi bajet 2021 juga, Kerajaan telah meluluskan peruntukkan sebanyak RM100 juta untuk pelaksanaan "*weight in motion*" di jalan-jalan persekutuan yang dikenalpasti. KKR akan bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan bagi memastikan permukaan jalan tidak cepat rosak akibat daripada lebihan muatan kenderaan.

Merujuk kepada statistik aduan yang diterima oleh KKR dan JKR Malaysia sehingga 30 November 2020, sebanyak 4091 aduan kategori infrastruktur awam telah diterima. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1473 aduan merupakan aduan jalan rosak. Kesemua aduan telahpun diselaraskan dan diambil tindakan oleh pihak JKR.

Manakala pemantauan dan data rondaan JKR pada tahun 2019 sahaja, sebanyak hampir 200 ribu jalan berlubang dikesan dan dibaiki. Bagi tahun 2020 sehingga Jun 2020, sebanyak 64 ribu jalan berlubang telah direkodkan dan diambil tindakan.

Kementerian sentiasa komited dalam memastikan setiap aduan yang diterima diselesaikan dengan kadar segera tanpa mengira status pengadu dan turut mengamalkan "*No Wrong Door Policy*" demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

KKR juga berfikiran positif bagi setiap aduan dan juga pandangan positif yang diberikan bagi tujuan pembangunan sejagat. Ini bagi memastikan maklumat yang tepat dan lengkap diperolehi bagi tujuan siasatan yang jelas di lokasi. Orang ramai digalakkan menggunakan saluran – saluran rasmi aduan KKR dan agensi seperti berikut:-



1. Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA)
2. Sistem Pengurusan Aduan JKR (JKR Care)
3. E-mel
4. Hadir Sendiri ( Borang Kaunter )
5. Surat/Faks
6. Telefon/Talian Bebas Tol Agensi - 1800-88-7752 (LLM) & 1 300 888 557 JKR)
7. Facebook (rasmi KKR Agensi)

---

Dikeluarkan oleh

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

No. Tel. : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | Faks. : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks | Pro@kk.gov.my

8. Twitter (rasmi KKR Agensi) (**Twitter & FB - perlu mengemukakan maklumat lengkap pengadu, nama, no.telefon dan lokasi kerosakan yang jelas**)
9. Akhbar (Surat Kepada Pengarang)
10. Biro Pengaduan Awam & Aplikasi Respon Rakyat 2.0
11. Malaysia Government Call Centre (MYGCC).

## **KEMENTERIAN KERJA RAYA**



30 Disember 2020

---

Dikeluarkan oleh

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

No. Tel. : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | Faks. : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks | Pro@kk.gov.my